

02 MAY 1996

Mahathir - Tiba

PM TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE MELAKA

MELAKA, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi dua hari ke Melaka.

Beliau yang menaiki kereta dari Kuala Lumpur tiba di Plaza Tol Ayer Keroh di sini pagi ini.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani dan isteri Datin Seri Fatimah Samdin serta anggota-anggota exco kerajaan negeri dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Perdana Menteri kemudian berlepas ke Bandar Hilir di sini bagi upacara pertama lawatannya iaitu pelancaran penambakan laut dan pembangunan Pulau Melaka.

Projek pembangunan oleh Larut Consolidated Berhad itu merupakan projek pembangunan pertama di sini membabitkan kerja penambakan pulau dan melibatkan pembinaan kompleks komersil, perumahan, marina dan pusat perangan.

Perdana Menteri kemudian akan berlepas ke Lendu dekat Alor Gajah untuk merasmikan Institut Teknologi MARA cawangan Melaka pukul 11.30 pagi serta menghadiri jamuan tengah hari di institut berkenaan.

Pelancaran Gerak Mesra di Felcra Bukit Sedanan, Jasin dijadual berlangsung pukul 3 petang dan Perdana Menteri turut dijadual beramah mesra dengan rakyat pada jamuan ringan sempena majlis itu.

Jamuan Mesra Perdana akan berlangsung di Seri Bendahara pada malamnya.

Esok, aturcara lawatan dijadual bermula dengan perasmian Majlis Pecah Tanah Bangunan Yayasan Belia Dunia (WYF) di Ayer Keroh pukul 9 pagi, pelancaran Kelab Penerbangan 4B Malaysia di Lapangan Terbang Batu Berendam.

Dr Mahathir kemudian akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Al Adzim sebelum menyertai jemaah pada jamuan tengah hari.

Perdana Menteri juga dijadual menerima cek bernilai RM500,000 sumbangan agensi dan anak syarikat kerajaan negeri kepada Tabung Masjid Bosnia anjuran kerajaan negeri.

Tabung itu bertujuan mengumpulkan sumbangan sebanyak RM1 juta bertujuan membiayai pembinaan sebuah masjid di Bosnia Herzegovina sebagai hadiah kepada umat Islam negara itu.

Perdana Menteri dan isteri dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang. -- BERNAMA

MOZ CR